

20 NOV 2002

Jamil-Pengganas

PASUKAN KESELAMATAN AKAN BUKTIKAN M'SIA NEGARA SELAMAT

PULAU MATAKING, Sabah, 20 Nov (Bernama) -- Pasukan keselamatan negara akan membuktikan Malaysia sebuah negara yang selamat untuk dikunjungi dengan menghalang sebarang cubaan anasir keganasan untuk memasuki negara ini, kata Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Jamil Johari.

"Tugas kita ialah untuk menentukan keamanan dan keselamatan wujud dengan memastikan tidak berlaku apa-apa insiden," katanya dalam satu persidangan berita bersama Panglima Divisyen Satu Lt Jen Datuk Pahlawan Azumi Mohamed selepas mengakhiri lawatan ke kawasan Ops Pasir di perairan pantai timur Sabah, hari ini.

Beliau berkata walaupun Malaysia telah dimasukkan dalam senarai negara yang berhadapan dengan "ancaman bahaya", Malaysia boleh keluar daripada tuduhan itu dengan komitmen tinggi pasukan keselamatan.

Dua hari lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kekecewaan kerajaan dengan tindakan sesetengah negara luar yang meletakkan Malaysia di tempat teratas dalam senarai "ancaman bahaya" bagi rakyat mereka yang ingin mengunjungi negara ini.

Jamil berkata kerjasama antara polis dan tentera akan meniadakan peluang kepada pengganas atau penyokong mereka untuk bergerak masuk untuk mendapatkan sumber-sumber bagi melaksanakan kegiatan pengganas.

"Selain daripada itu kedua-dua pihak (polis dan tentera) ada saluran tertentu...bagi polis kita ada rangkaian dengan rakan kita di Indonesia dan Filipina, kita bertukar-tukar maklumat risikan yang akan digunakan bersama secara operasi," katanya.

Azumi ketika mengulas isu yang sama berkata, tentera dan polis mempunyai matlamat yang sama iaitu memastikan keamanan dan keselamatan.

Kerjasama erat kedua-dua pasukan keselamatan itu berjaya mewujudkan satu pasukan mantap yang dapat menewaskan pencetus huru-hara.

"Kalau kita lihat negara kita merupakan satu negara di dunia yang berjaya membanteras insurgency. Ini kita berjaya lakukan kerana kerjasama antara agensi awam, polis dan tentera," katanya.

-- BERNAMA

JS MAI